KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22.04.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	JMG			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Terpaksa bergilir ke sekolah

Bangunan didakwa tidak selamat, lebih 200 murid SK Simpang Ampat terkesan

Oleh NOR FARHANA YAACOB

ALOR GAJAH

Lebih 200 murid Tahun Dua, Empat dan Lima Sekolah Kebangsaan (SK) Simpang Ampat, di sini terpaksa meneruskan sistem penggiliran selepas bangunan yang menempatkan mereka didakwa tidak selamat digunakan.

Ia berikutan tindakan pemaju projek perumahan di sebelah sekolah yang didakwa membuat potongan tebing tidak mengikut spesifikasi yang sepatutnya hingga berlaku pergerakan tanah.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu, Taufik Abd Rahman, 48, berkata, bermula sesi persekolahan Mac lalu, pihak sekolah menerima arahan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mengosongkan bangunan tiga tingkat iaitu blok C selagi Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mengeluarkan sebarang pengesahan sama ada bangunan itu selamat diduduki atau sebaliknya.

Menurutnya, bukan sahaja sistem penggiliran terpaksa diteruskan malah beberapa kelas terpaksa menggunakan bilik tayang, bengkel reka bentuk teknologi dan perpustakaan disebabkan kekurangan bilik darjah.

"Kasihan anak-anak terpaksa belajar dalam keadaan yang tidak selesa dan panas disebabkan tindakan pihak yang lepas tangan," ujarnya.

Jelasnya, apa yang membimbangkan bangunan yang menempatkan surau, makmal komputer dan makmal sains itu terpaksa digunakan di bahagian bawah bagi menempatkan dua kelas pra sekolah membabitkan seramai 70 murid berusia enam tahun.

"Dengan keadaan cuaca yang kerap hujan sekarang ini tidak mustahil pergerakan dan runtuhan tanah akan terus berlaku.

"Malah tembok di bahagian belakang bangunan berdekatan kelas murid pra sekolah juga telah retak dan hanya menunggu masa untuk runtuh," katanya ketika ditemui pada Khamis.

Taufik menambah, pihaknya berharap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil serius isu tersebut yang memberi risiko kepada semua warga sekolah.

Seorang warga emas, Mohd Taro Jaafar, 66, berkata, dia terkilan kerana lima orang cucunya berusia tujuh hingga 12 tahun terpaksa ke sekolah bergilir-gilir dan bimbang sekiranya keadaan itu berpanjangan akan lebih ramai murid ketinggalan.

Bagi Mohd Nor Firddaus Razuan, 36, dia berharap pihak berkenaan termasuk Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) lebih prihatin kerana ia bukanlah isu baharu namun terpaksa dihadapi pihak sekolah sejak projek perumahan itu bermula lebih dua tahun lalu.

"Bantulah agar anak-anak kami dapat belajar seperti murid lain dalam keadaan selesa dan selamat," katanya.



Taufik menunjukkan tembok yang telah retak dan menunggu masa untuk runtuh di SK Simpang Ampat, Alor Gajah.



TAUFIK



MOHD NOR FIRDDAUS